



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

PEJABAT KETUA PENGARAH KERJA RAYA
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA,
JALAN SULTAN SALAHUDDIN,
50582 KUALA LUMPUR.

Telefon : (03) 26919011
Telefax : KRT MA 30415
Kawat : MINWORK, KUALA LUMPUR
Fax : (03) 2694 8477 (Tkt. 2)
: (03) 2692 1202 (Tkt. 4)
Laman Web : <http://www.jkr.gov.my>



No. Rujukan : JKR.KPKR.113.020.050/03 Jld.2 (26)

Tarikh : 18 April 2012

Semua Pengarah Kanan / Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR

Semua Pengarah Kerja Raya Negeri

Semua Pengarah Kerja Raya Wilayah Persekutuan

Semua Pengarah/Pengurus Pembinaan

Pengarah JKR Unit Khas KESEDAR

Semua Jurutera Daerah

SURAT ARAHAN KPKR BIL. 10/2012

PELAKSANAAN PENGURUSAN RISIKO UNTUK PROJEK PEMBANGUNAN DI BAWAH TANGGUNGJAWAB JKR

1. TUJUAN


- 1.1 Surat Arahan ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pelaksanaan pengurusan risiko bagi projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh JKR.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pengurusan risiko adalah salah satu bidang pengurusan projek yang dipraktikkan oleh kebanyakan organisasi dalam proses kerja bagi meningkatkan kadar kejayaan serta mengurangkan kesan daripada peristiwa risiko dalam operasi sesuatu organisasi.
- 2.2 Pengurusan risiko projek adalah bertujuan memastikan risiko utama diuruskan dengan berkesan oleh pengurus projek serta ahli pasukan projek dengan mengambil tindakan secara proaktif terhadap faktor-faktor risiko yang boleh memberi kesan negatif terhadap pencapaian objektif projek.



NO. SIRI SUJIL MS ISO 9001: 0326



MS ISO 14001 CERT. NO. J011301102

- 2.3 Oleh itu wajarlah semua pengurus projek JKR mengamalkan pengurusan risiko dalam projek pembangunan sebagai usaha meningkatkan penyampaian projek.

3. PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN RISIKO

- 3.1 Pengurusan risiko merupakan salah satu fungsi pengurusan projek yang seharusnya menjadi sebahagian daripada Sistem Pengurusan Bersepadu JKR. Sebagai langkah permulaan, pelaksanaan pengurusan risiko dalam projek diberi keutamaan terhadap projek-projek berskala besar.
- 3.2 Sebagai permulaan, pelaksanaan pengurusan risiko adalah DIWAJIBKAN ke atas semua projek di mana kosnya melebihi RM50 juta. Meskipun begitu, pelaksanaan pengurusan risiko adalah DIGALAKKAN bagi semua projek, tanpa mengambilkira kos projek.

4. TATACARA PELAKSANAAN PENGURUSAN RISIKO

- 4.1 Pengurusan risiko adalah dilaksanakan berdasarkan kepada proses dan prosedur jabatan sediada.
- 4.2 Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi pegawai berikut ;

Pengarah Kanan
Cawangan Pengurusan Projek Kompleks
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Tingkat 28, Menara PJD,
No. 50, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.
(U.P. Unit Pengurusan Risiko)

Tel : 03- 2618 7601 / 03-2618 7621
Faks : 03- 4041 1940

5. KAWALAN DAN EDARAN DOKUMEN

- 5.1 Semua dokumen pengurusan risiko boleh diakses melalui laman web JKR melalui <http://rakan.jkr.gov.my/prokom>. Sebarang pindaan atau perubahan kepada dokumen ini akan dikemaskini dalam laman web berkenaan.

6. TARIKH KUAT KUASA

- 6.1 Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

7. PEMAKAIAN

- 7.1 Sebarang pengecualian kepada pemakaian arahan ini, secara keseluruhan atau sebahagiannya, hendaklah mendapat kelulusan Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) atau Wakil Pengurusan terlebih dahulu.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



.....
(DATO' Ir. HJ. MOHD NOOR BIN YAACOB)

Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Kuala Lumpur

Salinan kepada :

- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pengurusan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bisnes)
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)
- Pengarah Kanan Cawangan Pengurusan Projek Kompleks
- Ketua Bahagian Kualiti Cawangan Pengurusan Korporat